

Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian

Ahmad Hidayat Buang

Abstract

Zakat is seen as one of the mechanism in eradicating poverty in Muslim society. However, there are some problems regarding the collection and distribution of zakat. The article focuses on the institutions involved directly with the collection of zakat i.e Baitulmal or Pusat Pungutan Zakat. It also analyses factors contributing to the rise of collection and the trend of expenditure after the privatisation of PPZ in Wilayah Persekutuan.

Pengenalan

Kerajaan telah berusaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dengan penubuhan pelbagai projek seperti penubuhan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Projek Pembangunan Rakyat Termiskin dan pelbagai lagi. Tidak ketinggalan dalam usaha ini ialah pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri melalui rukun zakat, bantuan-bantuan yang bersifat kewangan mahupun material disalurkan kepada orang-orang miskin di negeri-negeri berkenaan. Berbeza dengan agensi-agensi kerajaan lain yang menyalurkan bantuan daripada peruntukan tetap, bantuan yang disalurkan oleh pihak Majlis Agama Islam melalui rukun zakat berpunca dari sumber-sumber kebajikan pembayaran zakat masyarakat Islam. Bayaran yang dibuat oleh masyarakat Islam kepada pihak Majlis adalah bersifat

sukarela sungguhpun terdapat beberapa bentuk bayaran yang wajib dibuat mengikut undang-undang negeri seperti bayaran fitrah dan zakat pertanian.¹

Dengan berlakunya peningkatan kesedaran Islam di kalangan masyarakat Islam dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi, jumlah pembayaran zakat telah meningkat dari setahun ke setahun.² Jumlah pembayaran zakat yang tinggi sepatutnya membolehkan pihak Majlis Agama Islam Negeri menghulurkan bantuan kepada orang-orang miskin secara lebih berkesan lagi dan seterusnya menjayakan usaha kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan. Namun begitu nampaknya isu kemiskinan masih belum selesai dan pengkaji-pengkaji masih berusaha untuk mencari formula bagaimana ianya dapat diatasi.³

Oleh yang demikian terdapat satu anomali mengapa kutipan zakat yang banyak itu tidak dapat membantu menyelesaikan masalah kemiskinan terutama di kalangan masyarakat Islam. Jumlah penggunaan wang zakat pada tahun 1995 di Wilayah Persekutuan hanya sebanyak 60.11 peratus.⁴ Ini bermakna sebanyak 40 peratus dari hasil kutipan dari sebanyak RM33 juta tidak digunakan. Perbezaan ini sudah tentunya mengundang pelbagai andaian. Namun begitu bagi pembayar zakat mereka sudah tentu tidak berpuashati dengan keadaan sebegini. Pelbagai alasan yang diberikan. Namun yang selalu diutarakan oleh ramai orang ialah kelemahan dari aspek pentadbiran organisasi zakat. Sebagai contoh dipetik satu kritikan yang diberikan terhadap pentadbiran organisasi zakat seperti berikut:

“Apakah insititusi ini hanya boleh diterajui oleh para ustaz dan ulama, walaupun mereka tidak berkelayakan untuk menguruskan institusi tersebut secara profesional dan sistematik? Seperti juga institusi lain di negara ini, institusi agama perlu ditadbir dan diurus dengan cekap dan tegas. Biarlah mereka yang bertugas itu mempunyai kelayakan yang berhubung kait dengan kegiatan dan jawatan yang diuruskannya. Selama ini institusi zakat dibelenggu oleh kesempatan fikiran alim ulama untuk menterjemahkan pandangan Islam menurut perkembangan semasa. Mereka inilah yang menghambat kemajuan pembangunan Islam dan negara sebenarnya, menyukarkan perkara yang mudah dan melambatkan perkara yang perlu disegerakan. Kepentingan diri sendiri, kuasa dan nama sepatutnya tidak wujud di kalangan pengamal pentadbiran agama.”⁵

Pandangan di atas mungkin agak keterlaluan tetapi dapat dijadikan sebagai faktor penolak untuk mengkaji apakah kelemahan yang wujud secara yang lebih objektif. Berasaskan kepada pengenalan ini tujuan tulisan ini ingin melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kutipan dan agihan zakat. Seterusnya apakah faktor-faktor tersebut sesuatu yang positif dari sudut perundangan Islam dan selari

Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan (1985 - 1995): Satu Pemerhatian

dengan masalah umum. Oleh kerana kesempitan ruang, tulisan ini akan menghadkan penelitian tajuk di atas kepada Wilayah Persekutuan. Pemilihan Wilayah Persekutuan dibuat berdasarkan jumlah kutipan dan agihan yang besar berbanding negeri-negeri yang lain serta dikatakan mempunyai struktur pentadbiran zakat yang lebih kemas dari negeri-negeri lain.

2. Punca Kuasa Kutipan dan Agihan Zakat dan Struktur Organisasi Baitulmal di Wilayah Persekutuan.

Badan yang bertanggungjawab memungut dan mengagihkan zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan melalui seksyen 4(1) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Undang-undang tersebut memperuntukkan bahawa: *“maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan” untuk menasihati Yang Di Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam”*. Melalui peruntukan ini pihak berkuasa di Wilayah Persekutuan mengenai perkara-perkara agama ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Oleh kerana urusan-urusan yang berkaitan dengan pungutan dan agihan zakat termasuk dalam perkara-perkara agama maka ianya terletak dalam tugas dan tanggungjawab Majlis.

Namun begitu untuk menegaskan lagi tanggungjawab Majlis dalam urusan zakat, undang-undang menjelaskan bahawa Majlis mempunyai kuasa untuk memungut dan mengagihkan zakat. Seksyen 107 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952 yang masih terpakai di Wilayah Persekutuan melalui seksyen 103 Akta 505 memperuntukkan bahawa: *“Majlis mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk memungut bagi pihak Sultan dan mengagihkan zakat dan fitrah yang dibayar di negeri ini mengikut hukum syarak sebagaimana yang diperakukan oleh Baginda Sultan, tertakluk kepada kepada peruntukan undang-undang ini”*. Akta 505 tidak mempunyai peruntukan mengenai bidangkuasa Majlis memungut zakat dan fitrah kerana kemungkinan pihak Kerajaan Persekutuan merancang untuk memperkenalkan satu Akta lengkap mengenai zakat dan fitrah. Setakat ini di Malaysia hanya negeri Sabah yang telah memperkenalkan satu undang-undang lengkap mengenai pungutan dan agihan zakat melalui penggubalan Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993 (no. 6). Undang-undang ini masih belum lagi berkuatkuasa.⁶

Untuk membantu Majlis menjalankan kuasa tersebut, Akta 505 memperuntukkan penubuhan satu tabung kewangan yang dikenali sebagai Baitulmal.

Seksyen 60 Akta tersebut memperuntukkan: “*Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau takalih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbang oleh mana-mana orang, kepada kumpulan wang*”. Mengikut peruntukan undang-undang ini Baitulmal bertindak sebagai satu badan yang menguruskan soal-soal kewangan Majlis secara umum, baik berupa dari sumber zakat dan bukan zakat. Oleh kerana dari segi hukum Syarak perbelanjaan zakat itu adalah khusus kepada golongan tertentu maka terlebih baik bagi undang-undang membuat peruntukan satu tabung khas untuk kutipan zakat dan fitrah. Namun begitu dari segi amalan kemungkinan pihak Baitulmal menubuhkan satu akaun khas untuk itu. Ini mungkin kerana kaedah 4, Kaedah-kaedah Baitul, memperuntukkan bahawa perbelanjaan Baitulmal adalah di dalam dua bentuk iaitu perbelanjaan am dan perbelanjaan zakat. Untuk memudahkan tujuan-tujuan perbelanjaan ini maka satu akaun berasingan yang berasaskan perbelanjaan harus diadakan.

Dari aspek pentadbirannya, Baitulmal adalah terletak di bawah Majlis Agama Islam. Oleh kerana undang-undang yang ada agak umum bagi menjelaskan bagaimana Baitulmal harus menjalankan urusan hariannya maka satu kaedah iaitu Kaedah-kaedah Baitulmal 1980 (Wilayah Persekutuan) (Perbelanjaan dan Penggunaan) telah digubal bagi menjelaskan beberapa aspek tugas Baitulmal. Namun begitu Kaedah-kaedah ini tidak lengkap kerana ia hanya menerangkan aspek-aspek perbelanjaan Baitulmal sahaja. Manakala aspek-aspek lain seperti pungutan dan struktur organisasi tidak dijelaskan. Perkara-perkara ini diputuskan oleh pihak Maljjs dan Jabatan Agama Islam yang bertindak sebagai urusetia kepada Majlis. Oleh yang demikian dasar-dasar yang tidak disebutkan oleh undang-undang mengenai perjalanan dan pengurusan Baitulmal diputuskan oleh Majlis dalam mesyuarat.

Untuk membantu Majlis merangka dasar dan polisi kepada Baitulmal yang berkaitan dengan dasar-dasar perbelanjaan satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah kaedah 6 Kaedah-Kaedah Baitulmal (Wilayah Persekutuan). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis dan ahli-ahli jawatankuasa terdiri dari Mufti, Setiausaha Majlis dan empat anggota lain yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai Jabatan Agama Islam sebagai setiausaha. Seterusnya jika terdapat beberapa perkara yang menyentuh persoalan Hukum Syarak mengenai urusan pungutan dan pengagihan zakat Majlis akan dibantu oleh satu Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak yang ditubuhkan melalui seksyen 37(1) Akta 505. Jawatankuasa ini dipegerusikan oleh Mufti dan diurusetiaikan oleh Bahagian

Istinbat, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Dari segi struktur organisasi Majlis Agama Islam, Baitulmal diletakkan sebagai satu bahagian daripada beberapa bahagian di bawah Jabatan Agama Islam dan dikenali sebagai Bahagian Baitulmal/Zakat.⁷ Bahagian ini diketuai oleh seorang pegawai kanan kerajaan yang juga bertindak sebagai setiausaha kepada Jawatankuasa Baitulmal. Di bawah bahagian Baitulmal/Zakat ini terdapat lima unit. Unit-unit tersebut ialah:

- (1) Unit Zakat,
- (2) Unit Wakaf, Sumber Am dan Pelaburan
- (3) Unit Pentadbiran dan Kewangan
- (4) Unit Latihan dan Kemahiran, dan
- (5) Unit Pembangunan dan Pelaburan.

Unit yang terpenting dan yang menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan zakat ialah Unit Zakat. Namun begitu unit ini hanya menguruskan soal-soal agihan zakat dan pungutan zakat fitrah sahaja. Manakala urusan pungutan zakat harta telah diserahkan kepada satu badan korporat untuk mengendalinya sejak tahun 1990.⁸ Pihak Baitulmal masih menguruskan pungutan zakat fitrah yang dibuat melalui bantuan Ketua Amil dan Amil-amil kariah yang dilantik oleh pihak Majlis Agama Islam.

Tujuan mengkorporatkan urusan pungutan ialah untuk menjadikan urusan pungutan zakat lebih profesional serta untuk meringankan beban tugas Baitulmal. Urusan pungutan ini telah diserahkan kepada Syarikat Harta Suci Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Upah kepada syarikat ini dibayar melalui saham amil dan jumlahnya tertakluk kepada perjanjian. Secara umumnya badan yang memungut zakat ini dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat atau PPZ. Ianya diuruskan oleh ahli-ahli professional dalam bidang perniagaan dan akauntan. Setakat ini PPZ telah berjaya meningkatkan pungutan zakat dengan begitu drastik sekali di Wilayah Persekutuan (lihat bawah).

3. Statistik Jumlah Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Dari 1985-1995.

Secara keseluruhannya didapati jumlah kutipan dan agihan zakat telah meningkat untuk tempoh sepuluh tahun di Wilayah Persekutuan.

3.1. Jumlah kutipan

Peratusan peningkatan jumlah kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan untuk tempoh 1985-1995 adalah besar iaitu sebanyak 1,222.66 peratus iaitu pertambahan sebanyak RM30,881,801 dari RM2,525,788. Didapati peningkatan tersebut berlaku secara konsisten cuma jumlah pungutan meningkat dengan mendadak selepas tahun 1991 di Wilayah Persekutuan dengan penubuhan Pusat Pungutan Zakat pada tahun 1990 iaitu dengan perbezaan sebanyak 84.66 peratus iaitu dari RM8,248,870 kepada RM15,232,634. Namun begitu jumlah pungutan telah berkurangan pada tahun 1995 iaitu sebanyak 6% atau RM2,0430,076. Ini berlaku kerana penubuhan Pusat Pungutan Zakat Selangor yang mempunyai imej yang sama dengan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan dan kemelesetan dalam pasaran saham yang mempengaruhi keupayaan golongan korporat dan syarikat membayar zakat. Jumlah pungutan bagi tempoh 1985-95 ialah sebanyak RM163,290,070.

Peratus Peningkatan Jumlah Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan.

1985	RM2,525,788
1995	RM33,407,589
Perbezaan	RM30,881,801
Peratusan	1,222.66%

Tahun	Jumlah Pungutan (RM)
1985	2,525,788
1986	2,980,985
1987	3,784,942
1988	5,085,632
1989	6,288,706
1990	8,248,870
1991	15,232,634
1992	22,137,981
1993	28,146,277
1994	35,450,666
1995	33,407,590
Jumlah	163,290,070

3.2 Agihan.

Jumlah agihan juga meningkat menurut tahun secara konsisten di Wilayah Persekutuan di mana peningkatan adalah sebanyak 4,082.47% iaitu dari hanya RM801,534 kepada RM33,523,880 untuk tempoh 1985-1995. Ini adalah satu peningkatan yang besar berbanding dengan kutipan. Kadar agihan naik dengan begitu drastik pada tahun 1993 dan 1995 iaitu pada kadar 67.89 peratus dan 59.38 peratus iaitu dari RM17,437,475 kepada RM29,275,528 dan dari RM21,034,364 kepada RM33,523,881. Agihan yang dibuat kadang-kadang agak radikal. Mengikut angka yang diberikan oleh pihak Baitul Mal didapati terdapat defisit dalam imbangan pendapatan di mana kadar agihan kadang-kadang melebihi kadar pungutan seperti yang berlaku pada tahun 1992 dan 1994. Jumlah agihan bagi tempoh 1985-1995 ialah RM128,255,522. Namun begitu jumlah ini tidak melebihi jumlah kutipan.

Peratus Peningkatan Jumlah Agihan di Wilayah Persekutuan.

1985	RM801,534
1995	RM33,523,880
Perbezaan	RM32,722,345
Peratus	4,082.47%

Jumlah Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan.

Tahun	Jumlah (RM)
1985	801,534
1986	1,168,522
1987	1,861,584
1988	2,021,900
1989	3,257,475
1990	7,069,532
1991	10,803,728
1992	17,437,475
1993	29,275,528
1994	21,034,364
1995	33,523,881
Jumlah	128,255,522

4. Lebihan Agihan.

Lebihan agihan zakat di Wilayah Persekutuan berlaku pada setiap tahun melainkan pada tahun 1993 dan 1995 berlaku defisit dalam perbelanjaan kutipan. Namun begitu kekurangan ini ditampung oleh lebihan yang berlaku pada tahun-tahun sebelumnya. Lebihan pendapatan yang terbanyak berlaku pada tahun 1994 sebanyak RM14,416,301 atau 40.66 peratus. Perkara ini mungkin berlaku kerana pertambahan yang mendadak pada tahun berkenaan dalam jumlah kutipan dari tahun sebelumnya. Jumlah lebihan bagi Wilayah Persekutuan bagi tempoh 1985-1995 ialah RM35,034,549.

Jumlah Lebihan Agihan Bagi Wilayah Persekutuan.

Tahun	Lebihan (RM)
1985	1,812,463
1986	1,923,358
1987	3,063,732
1988	3,031,231
1989	1,179,338
1990	4,428,906
1991	4,700,506
1992	-1,129,251
1993	14,416,302
1994	-116,290
1995	1,724,254
Jumlah	35,034,549

Adalah diingatkan bahawa angka-angka yang diberikan ini boleh dipertikaikan dari segi ketepatan dan kesahihan kerana terdapat beberapa perbezaan dari segi statistik data-data tersebut jika dibandingkan dengan beberapa dokumentasi yang melapurkan jumlah pungutan dan agihan. Di samping itu data mengenai lebihan agihan seperti yang diberikan di atas bukan statistik yang tepat kerana jumlah pungutan dan perbelanjaan tidak dinyatakan oleh pihak-pihak berkenaan secara terperinci. Ia hanya merupakan satu anggaran sahaja. Begitu juga mengenai faktor-faktor peningkatan jumlah pungutan dan agihan diperolehi dari data-data sekunder,

iaitu melalui temubual dan pengalaman pihak pengurusan Baitul Mal dan Pusat Pungutan Zakat. Kajian lapangan perlu dilakukan untuk mengesahkan faktor-faktor ini.

5. Faktor-faktor Peningkatan Jumlah Kutipan dan Agihan.

Melalui temubual dengan pegawai-pegawai di Pusat Pungutan Zakat⁹ dan Baitul Mal Wilayah Persekutuan¹⁰ terdapat beberapa faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah pungutan dan agihan. Pertama akan dibincangkan faktor-faktor peningkatan kutipan dan kedua agihan.

5.1. Jumlah Kutipan.

Faktor terpenting peningkatan jumlah kutipan zakat terutama zakat harta di Wilayah Persekutuan ialah penswastaaan badan pungutan zakat yang diuruskan secara korporat dengan penubuhan PPZ. Statistik menunjukkan kenaikan yang ketara selepas penubuhan badan ini pada tahun 1990 iaitu kenaikan sebanyak 84.66 peratus.

Dengan penubuhan badan swasta ini konsep kutipan zakat lebih bersifat pro-aktif dan berorientasikan korporat seperti menggunakan teknik pemasaran, penerangan, publisiti yang meluas dan pameran. Pihak PPZ telah membelanjakan jumlah wang yang agak besar bagi tujuan ini dengan mengiklankan borang-borang bayaran zakat dan percetakan risalah. Walaupun terdapat sesetengah pihak tidak menyenangi orientasi ini yang dikatakan terlalu mementingkan publisiti dan imej perniagaan, tetapi ianya ternyata telah memberi pulangan yang besar kepada Baitulmal.

Untuk mempertingkatkan jumlah kutipan, pihak PPZ juga telah menyediakan lebih banyak kemudahan untuk pembayaran zakat seperti pembukaan kaunter yang lebih banyak di masjid-masjid, melantik bank-bank perniagaan sebagai wakil pemungut zakat (bagi tujuan ini pihak PPZ telah mengadakan pelbagai perjanjian persefahaman dengan pihak-pihak Bank),¹¹ bayaran secara ansuran, melalui pos, melalui potongan gaji dan baru-baru ini melalui kad kredit Islam.¹² PPZ juga memperkenalkan sistem akaun di mana setiap pembayar zakat mempunyai akaun di samping resit bayaran. Sistem akaun ini membolehkan pihak PPZ menyediakan sistem peringatan (*reminder*) iaitu dengan menghantar peringatan kepada pembayar-pembayar zakat yang mempunyai akaun dengan pihak PPZ bahawa sudah tiba masanya mereka membayar zakat. Sistem akaun ini juga membolehkan pihak PPZ

menyediakan penyata pembayaran zakat kepada pembayar zakat dan ini memudahkan mereka menyemak bayaran yang telah dibuat terutama bagi mereka yang membuat bayaran secara potongan gaji.

Pengenalan kemudahan yang inovatif ini sudah tentulah akan menarik minat umat Islam membayar zakat terutama dari golongan pendapatan tinggi kerana kecanggihan dan kemudahan yang disediakan. Perkara-perkara ini mampu dibuat oleh pihak PPZ kerana pihak Fatwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan memberikan kebenaran kepada program-program yang telah dirancang.

Di sesetengah negeri beberapa kemudahan seperti pembayaran zakat melalui potongan gaji masih belum dibenarkan oleh pihak fatwa negeri. Begitu juga beberapa persoalan hukum seperti zakat KWSP pihak fatwa negeri masih belum dapat memberi kata putus yang satu.¹³

Faktor-faktor di atas disokong oleh keadaan ekonomi negara yang baik telah menyebabkan ramai di kalangan umat Islam berkemampuan membayar zakat, terutama dari kalangan eksekutif korporat yang merupakan jumlah terbesar membayar zakat. Mengikut laporan kewangan PPZ tahun 1995 golongan tersebut telah menyumbangkan sebanyak RM8,349,332.71 atau 26 peratus dari jumlah kutipan zakat. Ini diikuti oleh golongan peniaga yang menyumbang sebanyak RM3,754,413.49 atau 12 peratus dari jumlah kutipan. Di samping itu pihak kerajaan juga menggalakkan umat Islam membayar zakat dengan mengadakan kemudahan mendapat potongan cukai pendapatan dari pembayaran zakat. Seksyen 6(A) Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa mana-mana pembayaran zakat akan diberikan rebat dari pembayaran cukai.

Selain daripada faktor-faktor di atas, faktor kepadatan penduduk Islam yang mempunyai kuasa ekonomi adalah tinggi di Wilayah Persekutuan berbanding dengan negeri-negeri menyebabkan jumlah pungutan zakat yang tinggi di negeri tersebut. Begitu juga kebanyakan syarikat-syarikat dan korporat Muslim yang membayar zakat seperti Tabung Haji, Bank Islam, Syarikat Takaful dan lain-lain beroperasi di Kuala Lumpur. Seterusnya faktor yang tidak kurang pentingnya ialah kesedaran umat Islam di Wilayah Persekutuan untuk membayar zakat. Ini mungkin berlaku hasil dari kempen-kempen yang dilakukan oleh pihak PPZ dan Baitulmal untuk tujuan tersebut.

5.2. Faktor-faktor Peningkatan Jumlah Agihan.

Peningkatan dalam jumlah kutipan secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam perbelanjaan zakat, kerana wang zakat secara

teorinya hendaklah diseimbangkan perbelanjaannya.¹⁴ Sungguhpun peningkatan ini berlaku kepada semua asnāf, yang paling ketara ialah kepada asnāf fī sabīllāh di mana di Wilayah Persekutuan dari tahun 1992 berlaku peningkatan yang mendadak dari RM4,853,736 pada tahun 1991 kepada RM11,321,971 pada tahun 1992.¹⁵ Angka ini seterusnya meningkat secara mendadak juga pada tahun 1993 dengan perbelanjaan sebanyak RM22,170,254 dan menurun pada tahun 1994 pada RM11,645,381 dan naik semula pada tahun 1995 sebanyak RM22,735,147.

Peningkatan dalam jumlah agihan atau perbelanjaan ini berlaku kerana perkhidmatan Baitulmal kepada masyarakat Islam yang bertambah cekap serta kemudahan untuk memohon bantuan serta maklumat yang mencukupi membolehkan masyarakat memohon bantuan. Begitu juga sikap pro-aktif pengurusan Baitulmal dalam menyelesaikan masalah-masalah asnaf seperti meningkatkan lagi kadar bantuan dari masa kesemasa mengikut kadar pertumbuhan ekonomi dan mengemaskinikan sistem agihan dan bantuan yang bukan sahaja bersifat bantuan kewangan bahkan juga bersifat bantuan modal dan projek. Untuk fakir miskin sahaja buat masa sekarang terdapat 17 skim agihan di Wilayah Persekutuan untuk mereka.

Baitulmal boleh bergerak dengan pantas seperti di atas terutama dalam mengemukakan skim-skim agihan baru kerana sikap yang lebih terbuka bahagian Fatwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengenai bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada asnāf-asnāf, seperti membenarkan bantuan diberi di bawah saham riqāb walaupun secara tradisinya boleh menyebabkan bantuan di bawah saham ini tidak boleh dipratikkan lagi. Begitu juga dengan meluaskan konsep fī sabīllilāh membolehkan lebih banyak bantuan diberikan kepada masyarakat Islam secara umumnya.

Dalam meningkatkan lagi keberkesanan agihan kepada golongan yang berhak menerima zakat, Baitulmal memperolehi kerjasama dari badan-badan kebajikan yang lain membolehkan bantuan disalurkan secara lebih efektif lagi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

6. Masalah Pungutan dan Agihan

Sungguhpun terdapat peningkatan dalam jumlah kutipan dan agihan, terdapat beberapa masalah yang masih boleh diperbaiki oleh PPZ dan Baitul Mal. Secara perbandingannya, berdasarkan sungutan orang ramai tidak terdapat masalah yang serius dari aspek kutipan jika dibandingkan dengan aspek agihan. Dengan kata lain masalah yang selalu dihadapi dalam pengurusan zakat ialah masalah agihan zakat.

Sebagai contoh kritikan terhadap agihan zakat yang datang dari seorang Timbalan Menteri sebagai berkata:

“Government approved institutions involved in the collection and distribution of zakat must practise transparency in management to ensure public confidence. It was also imperative for all aspects of the institutions’ financial dealings be made public through their publications... Muslims have the right to know where the zakat money has gone to, or how it has been spent”.¹⁶

Dalam aspek kutipan, masalah yang sering kedengaran ialah kemudahan pembayaran zakat dan kemudahan rebat cukai kepada syarikat-syarikat yang membayar zakat. Terdapat banyak desakan dari pelbagai pihak terutama pihak PPZ yang menyarankan kepada kerajaan agar syarikat-syarikat yang membayar zakat dikecualikan dari membayar cukai dari bayaran zakat yang mereka lakukan.¹⁷ Namun begitu masalah-masalah ini tidak melibatkan sangat masyarakat ramai dan banyak tertumpu kepada soal-soal pelaksanaan dan polisi. Di samping itu pihak kerajaan sekarang sedang berusaha untuk mengatasi masalah tersebut. Oleh yang demikian perhatian akan lebih banyak ditumpukan kepada masalah agihan zakat berdasarkan sebab-sebab di atas.

Perbezaan di antara jumlah kutipan dan agihan ini secara tidak langsung menunjukkan terdapat persoalan yang perlu dihuraikan. Pertamanya jika jumlah yang diagih itu kecil berbanding dengan jumlah kutipan, apakah ini bermakna status ekonomi masyarakat Islam sudah tinggi sehingga tidak perlu kepada bantuan. Andaian ini sudah tentu tidak betul kerana melalui fakta-fakta yang tidak perlu dibuktikan bahawa masih terdapat ramai orang miskin di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.¹⁸ Oleh yang demikian sudah tentulah terdapat penjelasan lain yang menyebabkan berlakunya perbezaan tersebut.¹⁹

Walaupun andaian umum kepada perbezaan ini menyatakan sistem dan proses agihan mungkin tidak berkesan hingga menyebabkan terdapat lebih wang zakat yang banyak, perkara ini sudah diatasi oleh pihak pengurusan Baitulmal Wilayah Persekutuan secara berperingkat. Kita dapati melalui statistik yang ditunjukkan di atas bahawa kadar agihan sudah meningkat setiap tahun, bahkan terdapat tahun-tahun yang perbelanjaan melebihi pendapatan. Namun begitu masih terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan Baitulmal yang kadangkala boleh melambatkan proses pengagihan dan pemberian bantuan, terutama dari aspek prosedur dalam permohonan bantuan zakat sehingga menyebabkan sesuatu permohonan tersebut susah untuk dipohon dan memakan masa untuk diluluskan. Ini adalah kerana setiap permohonan yang melibatkan bantuan bulanan

kepada fakir dan miskin mesti melalui proses siasatan oleh pihak Baitulmal.

Kelewatan ini mungkin berpunca kerana permohonan yang banyak berbanding dengan tenaga kerja yang ada. Kesemua tugas-tugas penyiasatan terpaksa dipikul oleh pegawai penyiasat. Walaupun terdapat ketua-ketua amil yang bertanggungjawab mengesahkan permohonan bantuan bulanan di kariah masing-masing, pengesahan ketua amil ini masih tertakluk kepada penyiasatan. Tujuan penyiasatan ini walaupun sudah terdapat keterangan dari ketua amil adalah untuk memastikan bahawa permohonan tersebut layak menerima bantuan. Di samping itu beban kerja yang banyak jika berbanding dengan jumlah pegawai dan kakitangan sokongan yang secukupnya bagi mempercepatkan proses agihan dan bantuan kepada asnaf-asnaf yang berkenaan. Masalah yang lain pula ialah wang zakat tidak dapat dihabiskan perbelanjaannya pada tahun berkenaan kerana masalah pentadbiran dan pembayaran yang dibuat tidak mengikut waktu penutupan akaun. Seterusnya dalam meluluskan sesuatu permohonan yang agak rumit pihak pengurusan mesti mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perundingan Hukum Islam sebelum sesuatu bantuan dapat diluluskan. Proses pengeluaran fatwa ini kadang-kadang memakan masa dan ini memberi kesan kepada proses pembayaran zakat.

Namun begitu semua masalah-masalah ini sudah dalam pengetahuan pihak Baitulmal dan mereka berusaha untuk memperbaikinya. Misalnya dalam mempercepatkan proses pembayaran zakat beberapa langkah telah diambil dengan menurunkan kuasa kelulusan kepada dua jawatankuasa (jawatan kuasa bantuan am dan jawatan kuasa bantuan pelajaran) yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Baitulmal yang boleh meluluskan bantuan sehingga RM40,000. Begitu juga Setiausaha Baitulmal diberi kuasa untuk meluluskan bantuan sehingga RM2,000 tanpa perlu dibawa kepada mesyuarat jawatankuasa. Pegawai-pegawai dan kakitangan juga ditambah secara sendiri iaitu dengan membayar mereka melalui wang zakat tanpa menunggu lagi pewujudan jawatan oleh pihak kerajaan yang memakan masa dan rumit.

7. Kesimpulan

Secara umumnya kaedah pungutan dan pengagihan yang berlaku di Wilayah Persekutuan adalah mengikut hukum syarak walaupun terdapat beberapa persoalan yang perlu ditimbulkan, terutama mengenai lebihan wang zakat atau yang dikenali sebagai *al-fayd*²⁰ yang dikatakan telah dilaburkan di institusi-institusi kewangan dan pelaburan.²¹ Ini boleh menimbulkan persoalan dari segi hukum kerana wang zakat walaupun tidak dibelanja atas sebab-sebab tertentu seperti pentadbiran mesti

dihabiskan perbelanjaannya. Oleh itu Pentadbiran Baitulmal dan Zakat hendaklah lebih bersifat terbuka dan telus dalam mengumumkan penyata-penyata pendapatan dan perbelanjaan mereka secara yang lebih menyeluruh supaya masyarakat Islam yang membayar zakat lebih yakin dengan mereka. Tidak setakat meniar jumlah-jumlah kutipan dan agihan tersebut secara umum dan tidak mendapat pengesahan dari mana-mana juru audit yang bertauliah.

Pihak pengurusan Baitulmal dan Zakat telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang melalui jumlah pungutan zakat yang sentiasa meningkat dari tahun ke setahun, namun mereka juga hendaklah selalu sensitif kepada perkembangan semasa dan mencari cara-cara dan kaedah yang terbaik bagaimana wang zakat dapat ditingkatkan pungutan dan dapat diagihkan secara terbaiknya.

Dalam hubungan ini pihak-pihak yang terlibat dengan fatwa seperti Mufti dan bahagian istinbat hukum syarak Majlis Agama Islam hendaklah mengemukakan cadangan-cadangan yang lebih agresif yang sesuai dengan hukum Islam bagaimana wang-wang zakat tersebut dapat dimanfaatkan sebanyak mungkin oleh masyarakat Islam dan bersesuaian pula dengan perkembangan moden dunia hari ini.

Nota Hujung

1. Lihat Ahmad Ibrahim, "Zakat Dari Segi Hukum Syara' Dan Perundangan", *Seminar Zakat Negeri Selangor*, Shah Alam, 17 Disember 1988.
2. Laporan Tahunan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan mencatat jumlah kutipan Zakat pada tahun 1995 ialah RM33,407,580.93.
3. Lihat Mohd Razali Agus, "Urban Growth, Poverty and the Squatter Phenomenon", *Seminar on Poverty, Gender and Development in Malaysia*, Genting Highlands, 13-16 February 1992).
4. *Dewan Ekonomi*, Februari 1996, h.13.
5. *Ibid.*, hh.8-9.
6. Lihat Suwaid Tapah, "Undang-undang Pentadbiran Zakat di Malaysia", *Monograf Syariah 3*, Mei 1995, h.68.
7. Lihat Ismail Abdul Kadir, *Pengurusan Zakat: Satu Tumpuan Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, Kertas Projek Fakulti Syariah, 1993, hh.40ff.
8. Lihat Hasnah Tasir, *Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan: Fungsinya Dalam Mengumpul Zakat*, Kertas Projek Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 1993/94, hh.33-4.

Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan (1985 - 1995): Satu Pemerhatian

9. Temubual dengan Encik Rais di PPZ, Wilayah Persekutuan pada 21 Jun 1996.
10. Temubual dengan Encik Mustapa Suhaili di Daruzzakah, Baitulmal, Wilayah Persekutuan pada 5 September 1996.
11. New Straits Times, 27 Oktober 1995.
12. Utusan Malaysia, 20 September 1996.
13. Utusan Malaysia, 15 November 1996.
14. Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *al-Iqnā' fī Ḥall Alfāz Abī Shujā'*, h.i:200.
15. Lihat Nor Asmah Hassan, *Peranan Baitulmal Wilayah Persekutuan Dalam Agihan Zakat: Satu Penilaian*, Kertas Projek Fakulti Syariah, Januari 1995, hh.111-6.
16. New Straits Times, 11 Jun 1996.
17. Minggu Malaysia, 19 November 1995 dan Utusan Malaysia 18 September 1996.
18. Lihat Mohd Razali Agus, "Urban Growth", dan Jomo K.S. "Poverty in Malaysia: A Review", *Seminar on Poverty and the Law*, Kuala Lumpur, 8-9 Disember 1990.
19. Bandingkan dengan Syed Othman al-Habshi, "Program Mengemaskinikan Kewangan Baitul Mal", *Occasional Papers*, No.1, August 1985, Kulliyah of Economics, International Islamic University, hh.9ff.
20. Istilah *al-fayḍ* ini bermaksud lebihan atau *surplus*. Istilah yang digunakan oleh fuqaha mazhab Shāfi'ī pula ialah *al-fāḍil* atau *al-faḍl*. Lihat Sayyid Muḥammad Shatā al-Dimyātī, *I'ānah al-Tālibīn*, h:ii:196.
21. Nor Asmah Hassan, *Peranan Baitulmal Wilayah Persekutuan*, hh.116-7

Bibliografi.

- Abd Aziz Muhammad, *Zakat and Rural Development in Malaysia*, (PHD Temple) 1986.
- Abd Malik Yaacob, *Baitul Mal Wilayah Persekutuan: Perkembangan dan Sumbangannya Kepada Pembangunan Ekonomi Umat Islam*, (Latihan Ilmiah Universiti Malaya), 1989.
- Ahmad Ibrahim, "Zakat Dari Segi Hukum Syara' Dan Perundangan", *Seminar Zakat Negeri Selangor*, Shah Alam, 17 Disember 1988.

- Hasnah Tahir, *Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan: Fungsinya Dalam Mengumpul Zakat*, (Latihan Ilmiah Universiti Malaya), 1994.
- Illani Mohd Ibrahim, *Mengemaskinikan Pentadbiran Undang-undang Zakat Harta di Malaysia*, (Latihan Ilmiah Universiti Malaya), 1984.
- Ismail Hashim, *Polisi Pembiayaan Awam Dalam Islam: Kajian Terhadap Pengagihan Zakat di Wilayah Persekutuan*, (Sarjana Syariah, Malaya), 1992.
- Ismail Abd Kadir, *Pentadbiran Zakat: Satu Tumpuan Kajian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*, (Latihan Ilmiah Universiti Malaya), 1993.
- Jomo K.S. "Poverty in Malaysia: A Review", *Seminar on Poverty and the Law*, Kuala Lumpur, 8-9 Disember 1990.
- Mohd Nor Ngah, *Institusi Zakat di Malaysia dengan rujukan khas kepada negeri Pahang*, (PHD Malaya) 1988.
- Mohd Razali Agus, "Urban Growth, Poverty and the Squatter Phenomenon", *Seminar on Poverty, Gender and Development in Malaysia*, Genting Highlands, 13-16 February 1992).
- Syed Othman al-Habshi, "Program Mengemaskinikan Kewangan Baitul Mal", *Occasional Papers*, No.1, August 1985, Kulliyah of Economics, International Islamic University.
- Zulkifli Mohamed, *Zakat Sebagai Alat Fiskal Dalam Sistem Ekonomi Islam: Kemungkinan Perlaksanaannya di Malaysia*, (Latihan Ilmiah Universiti Malaya), 1993.

Temubual

- Mohd Rais Haji Alias, Penolong Pengurus Operasi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan
- Abd Aziz Che Kob, Penolong Pengarah (Bahagian Istinbad) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Suhaili Mustafa, Penolong Pengarah (Unit Agihan, Baitul Mal) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.